

# KITA BOLEH MENANG BERSAMA

PENANG LAWAN COVID-19

16 - 31 OKTOBER, 2021

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

## Sistem sokongan pesakit

# COVID-19

## usaha sama semua pihak

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**




PENGOPERASIAN PUCC di Dewan Pintar dekat Taman Guar Perahu.

**PUSAT** Panggilan COVID-19 Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang beroperasi mulai 15 September lepas bertujuan menambah baik pengurusan masa tindak balas atau *'response time'* bagi pemantauan kontak rapat dan pesakit COVID-19 Kategori 1 dan 2 yang menjalani kuarantin kendiri di rumah masing-masing.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa ia merupakan tambahan daripada talian sedia ada iaitu Pusat Panggilan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) atau *CAC Call Centre*, Pusat Kawalan Bersepadu COVID-19 Pulau Pinang dan *Careline PgCare Alliance*.

Menurut beliau, Pusat Panggilan COVID-19 Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan nombor panggilan, 04 – 261 8000 beroperasi setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad mulai jam 8 pagi hingga 5 petang serta tempoh itu mungkin dilanjutkan sehingga 10 malam.

"Pengoperasian 'Pusat Panggilan COVID-19 Kerajaan Negeri' disediakan dalam empat bahasa utama iaitu bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin/Hokkien dan bahasa Tamil.

"Operasi ini diketuai oleh Pegawai Psikologi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan dibantu oleh Pegawai Psikologi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," jelasnya di Komtar pada 10 September 2021.

Dalam perkembangan berasingan, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar semasa melawat tapak 'hospital medan' di perkarangan hadapan Blok A Hospital Pulau Pinang (HPP) pada hari berikutnya (11 September 2021) turut memuji inisiatif pentadbiran Kon Yeow mewujudkan Pusat Panggilan COVID-19 Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Menteri antara lain, berkata bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menambah baik sistem sokongan berkaitan sebagaimana yang diusahakan oleh pentadbiran Kon Yeow di negeri ini.

"Saya ingin merakamkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah menggerakkan *'core centre'* yang dilihat sangat penting untuk memantau mereka yang menjalani kuarantin di rumah.

"Selaras dengan usaha tersebut, kita (Kerajaan Persekutuan) juga akan meningkatkan keupayaan Pusat Panggilan Penilaian COVID-19 (CAC) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara maya supaya penilaian (pesakit berkaitan COVID-19) dapat dibuat secara dalam talian tanpa memerlukan mereka pergi ke CAC sedia ada secara fizikal," ulasnya.

Sebagaimana dihasratkan oleh pentadbiran Kon Yeow, Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin memberitahu bahawa usaha Kerajaan Negeri sejak 27 Ogos lepas dengan menukar guna Dewan Pintar dekat Taman Guar Perahu sebagai Pusat Kawalan Bersepadu COVID-19 Pulau Pinang atau *Penang Covid -19 Unified Command Centre* (PUCC) mungkin merupakan pertama di Malaysia.

Norlela dalam sidang media promosi PUCC berkata bahawa dengan menghubungi 999, ia memudahkan lagi para pesakit mendapatkan maklum balas serta rawatan berkaitan penyakit COVID-19.

"Dengan menghubungi 999, Pusat Talian Bantuan Kecemasan COVID-19 Pulau Pinang akan terus ke tempat pengadu untuk memberikan bantuan pernafasan di dalam van yang disediakan (oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, JKNPP).

"CAC (Pulau Pinang) penting sebagai sistem pemantauan perubatan susulan supaya seseorang pesakit itu tidak perlu menunggu di bawah khemah untuk menunggu giliran masuk ke hospital, jika perlu," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti pada 9 September 2021.

Terbaru, Kerajaan Negeri turut melancarkan Penang COVID-19 Call Centre (PCC) untuk menerima panggilan daripada orang awam yang bakal beroperasi selama 24 jam sehari.

### Talian yang boleh dihubungi:-

**01**
Pusat Panggilan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC)/*CAC Call Centre*
8 pagi - 10 malam setiap hari
*Hotline* 04 – 382 7143 / 04 – 382 7142

**02**
Pusat Kawalan Bersepadu COVID-19 Pulau Pinang/*Penang Covid -19 Unified Command Centre* (PUCC)
999
24 jam setiap hari

**03**
*Careline* Gabungan PgCare/*PgCare Alliance*
04 - 642 7777
10 pagi – 5 petang setiap hari;
E-mel: *pgcarealliance@gmail.com*

**04**
Pusat Panggilan COVID-19 Kerajaan Negeri
04 – 261 8000
8 pagi - 5 petang setiap hari
(atau dilanjutkan sehingga 10 malam)

**05**
Penang COVID-19 Call Centre (PCC)
*Hotline* 04 - 291 0110
24 jam setiap hari

# Jaminan ketenteraman penduduk, kerjasama tangani pandemik

**PADA** 16 Jun 2021, **DATUK FISOL SALLEH** melaporkan diri sebagai Timbalan Ketua Polis Negeri Pulau Pinang yang baharu.

Menyertai pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tanggal 14 September 1986, selama kira-kira 35 tahun sebagai 'anggota', beliau berterima kasih kepada kerajaan kerana memberi peluang untuk beliau menimba pengalaman dalam pelbagai lapangan.

Dalam wawancara secara eksklusif bersama-sama Buletin Mutiara baru-baru ini, Fisol memberitahu bahawa karier kepolisan beliau bermula dalam *Very Able Troopers 69* (VAT 69) atau 69 Komando pada tahun 1986.

"Unit 69 Komando merupakan sebuah pasukan khas multispektrum yang bercorak ketenteraan atau separa ketenteraan milik PDRM, berpangkalan di Markas Briged Utara Ulu Kinta (Perak), manakala Unit Tindakan Khas (UTK) sebagai Unit Elit Anti-Keganasan utama Malaysia yang dibekalkan dengan kepakaran dalam peperangan bandar berpusat di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman (Kuala Lumpur).

"Saya masuk Unit 69 Komando pada hujung-hujung masa gerakan gerila komunis (Parti Komunis Malaya, PKM) di hutan, yang mana pada tahun 1986 dan 1987 saya masih dalam medan latihan.

"Selepas itu, saya menyertai operasi antikeganasan bagi membendung anasir tertentu, tetapi tiada lagi pertempuran secara bersenjata di dalam hutan.

"Semasa saya diserap ke dalam Unit 69 Komando pada awal tahun 1988, keadaan (anasir PKM secara bersenjata) dah 'sejuk', tidak seperti sebelumnya," jelasnya ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang dekat George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Bercerita lanjut, Fisol memberitahu bahawa penyertaan anggota Unit 69 Komando adalah secara 'sukarela menawarkan diri'.

"Yang berminat, boleh tawar diri.

"Maksudnya, anggota polis dalam apa jua lapangan boleh memohon untuk menjalani latihan, akan melalui saringan dalam tempoh dua minggu, kalau layak baru dipanggil menjalani latihan asas selama tiga bulan.

"Selepas itu, ada kursus lanjutan selama lebih sebulan, kemudian baru diserap ke dalam Unit 69 Komando," ujarnya dalam nada sederhana.

Tambah beliau, penyertaan dalam Unit 69 Komando akan mendedahkan anggota kepada perihal Peperangan Melawan Insurgensi atau *'Counter Insurgency Warfare'* (CIW), iaitu suatu bentuk peperangan sama ada di dalam hutan atau bandar dengan memberi tumpuan terhadap operasi menentang pemberontakan terhadap sesebuah Kerajaan Bernegara yang ditubuhkan secara sah.



**FISOL Salleh ketika sesi wawancara baru-baru ini.**

"CIW ini tidak semestinya di hutan; apabila medan operasi berubah ke bandar, corak latihan turut akan berubah ikut kesesuaian dengan mengekalkan kemahiran yang pelbagai bercorak ketenteraan jua," ulasnya.

Sebelum melaporkan diri sebagai Timbalan Ketua Polis Negeri, Fisol memberitahu bahawa beliau pernah menjadi Timbalan Pesuruhjaya Polis Negeri Sarawak selama lebih enam bulan.

Selama 35 tahun dalam perkhidmatan kepolisan, beliau pernah diposisikan dalam Unit Pencegah Penyeludupan Negeri Kelantan; Bahagian Kewangan Bukit Aman; Pegawai Operasi di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman.

Di samping itu, Fisol juga pernah ditaklifkan sebagai Pegawai Tinggi Operasi JSJN Negeri Sabah serta Ketua Bahagian Narkotik di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Ditanya mengenai pengalaman paling istimewa semasa dalam perjawatan, Fisol menyatakan bahawa antaranya terpilih menyertai misi bersama-sama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di negara Croatia, selama setahun bermula Oktober 1994 hingga Oktober 1995.

"Tahun 1994 adalah misi pertama PDRM menghantar anggota serta pegawai ke rantau Eropah bagi menyertai misi PBB bersama-sama 40 negara lain di Croatia.

"Semasa dalam misi tersebut, pada tahun 1995, di Croatia ada berlaku serangan terhadap puak pemisah dalam negara, dan kita (anggota yang dihantar menyertai misi PPB) segera diasingkan," kongsinya.

Menurut beliau, satu lagi pengalaman menarik adalah apabila berpeluang melanjutkan pengajian dalam Diploma Sains Siasatan di Maktab Polis yang berkolaborasi dengan Universiti Malaya (UM) pada tahun 2004 hingga 2006.

Kira-kira empat bulan menyandang jawatan Timbalan Ketua Polis Negeri, wartawan **ZAINULFAQAR YAACOB** ditemani jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** turut bertanyakan Fisol mengenai Pulau Pinang.

Ringkasnya, beliau berkata bahawa PDRM sebagai badan penguat kuasa ulung di negeri ini gigih memberi tumpuan terhadap usaha-usaha mendepani pandemik COVID-19.

"Kalau kita tidak mahu lihat daripada aspek penguatkuasaan semasa PKP (Perintah Kawalan Pergerakan), dalam agama pun ada, tujuan satu-satu larangan antaranya adalah untuk menjamin kesejahteraan semua.

"COVID-19 tidak bergerak, yang bergerak adalah kita; (justeru) kalau tidak buat SJR (sekatan jalan raya), macam mana kita nak mengekang pergerakan orang awam merentasi daerah atau negeri, yang sekali gus mengekang penularan wabak," soalnya.

Pun begitu, Fisol menyatakan bahawa Kerajaan Negeri serta agensi-agensi penguatkuasaan berkaitan sangat dedikasi dengan segala perancangan PDRM demi menjamin ketenteraman penduduk serta keselamatan kesihatan awam.

"Seperti semua pihak lain, pandemik COVID-19 serta pelaksanaan PKP (sejak 18 Mac 2020) merupakan pengalaman baharu buat PDRM sendiri.

"Kita (PDRM) sebagai badan penguat kuasa ulung di negeri ini, tetapi pada masa sama, kita memerlukan kerjasama daripada agensi-agensi lain seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"(Sebagaimana diulas oleh Ketua Menteri Pulau Pinang), saya melihat keadaan pandemik COVID-19 ini, sudah sampai masa untuk pergi ke peringkat (kesedaran) individu, bukan lagi hanya bergantung kepada penguatkuasaan polis serta agensi-agensi lain.

"Contoh, bagi memastikan pemakaian pelitup muka, mengamalkan penjarakan fizikal 1 meter (m) antara satu sama lain, mesti lengkap dua dos suntikan vaksin untuk bergerak mengikut SOP (prosedur operasi standard) berkaitan, semua itu memang memerlukan kesedaran dan tanggungjawab individu.

"Ini kerana, kalau penguatkuasaan yang nak dilakukan polis sekalipun, kita nak pergi setakat mana (jika setiap individu tidak memainkan peranan masing-masing.

"Sehubungan itu, dalam konteks Pulau Pinang, daripada segi kesiapsiagaan PDRM, saya optimis bahawa kita mampu menguruskan apa jua isu kerana Pulau Pinang yang mempunyai lima daerah dengan tempoh ketercapaian ke sesebuah lokasi adalah lebih cepat serta mudah,'' jelasnya.

Kedua, Fisol menyatakan bahawa penduduk Pulau Pinang sememangnya mempunyai keyakinan terhadap tugas-tugas kepolisan, dan PDRM ingin memperbaiki lagi tahap keyakinan tersebut.

"Fokus polis di Pulau Pinang ketika ini ada dua, iaitu pertama untuk menjamin ketenteraman penduduk dapat dirasai semua pihak.

"Kedua adalah saling bekerjasama dengan Kerajaan Negeri serta agensi-agensi berkaitan dalam memutuskan semua rantaian perebakan COVID-19," ulasnya sambil merakamkan penghargaan kepada dedikasi Ketua Polis Negeri, Datuk Mohd. Shuhaily Mohd. Zain serta pentadbiran Kon Yeow selama ini.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Bukit Bendera kini rizab biosfera dunia UNESCO



KERETAPI funikular berlatarbelakangkan kehijauan alam semula jadi.




BUKIT Bendera yang merupakan destinasi pelancongan terkemuka dalam negara.

KETUA Menteri (tengah) bersama-sama Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai (kiri sekali) mendengar penjelasan daripada Cheok Lay Leng (kanan sekali) sejurus acara telesidang bersama-sama media khas bersempena Program Pemasyhuran UNESCO Terhadap Rizab Biosfera Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**GEORGE TOWN -** Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 15 September 2021 jam 1 petang waktu Paris mengisytiharkan Bukit Bendera sebagai kawasan Rizab Biosfera Pulau Pinang.

Sambil merakamkan penghargaan kepada pertubuhan dunia itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa penyenaraian rizab biosfera Bukit Bendera tersebut merupakan usaha serta kolaborasi pelbagai pihak seperti *The Habitat*, ahli akademik dari Universiti Sains Malaysia (USM), agensi Negeri dan Persekutuan serta Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) sendiri.

"(Pemasyhuran Bukit Bendera sebagai) Rizab Biosfera Pulau Pinang merupakan penghargaan kedua oleh UNESCO kepada negeri ini (selepas George Town dimasyhurkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai 2008).

"Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) sangat berterima kasih dan berasa bangga dengan kejayaan hasil usaha bersama selama lima tahun (sejak 2016) ini," jelasnya dalam acara telesidang bersama-sama media khas bersempena Program Pemasyhuran UNESCO Terhadap Rizab Biosfera Bukit Bendera dekat Komtar di sini pada 16 September 2021.

Di samping itu, Kon Yeow berharap agar dengan pemasyhuran badan dunia itu akan menjadi batu loncatan buat Pulau Pinang bagi merancakkan lagi agenda pembangunan lestari antara penduduk dan keindahan alam sekitar sebagaimana digagaskan dalam Visi Penang2030.

"Kita (Kerajaan Negeri) juga mengharapkan semangat baru sempena sambutan Hari Malaysia pada hari ini (16 September), dalam usaha kita memulihara dan memelihara flora, fauna, kehijuan alam semula jadi dan warisan budaya yang tidak ternilai bagi Pulau Pinang dan penduduknya," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Dalam sesi soal jawab bersama-sama pengamal media, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan berkaitan bagi kerja-kerja memulihara serta memelihara Bukit Bendera sebagai tapak biosfera negeri dan dunia UNESCO.

Turut berucap, Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP), Dato' Cheok Lay Leng dan Pengarah Creative Quest Sdn. Bhd. (CQSB), Dato' Harry Cockrell iaitu firma pengurusan bagi *The Habitat* di puncak kawasan pelancongan tanah tinggi Bukit Bendera.

# Kegigihan harumkan nama sekolah dan negeri dihargai

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang meraikan 82 pelajar cemerlang Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) bagi tahun 2020 dari 22 sekolah, serta pelajar Sijil Pelajaran Malaysia, SPM (276 orang; 41 sekolah) dalam acara Anugerah Pelajar Cemerlang Peringkat Negeri dekat Komtar.

Semasa berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memuji kegigihan pelajar serta guru-guru yang berjaya menempa kecemerlangan walaupun dalam kaedah Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR), sekali gus mengharumkan nama sekolah masing-masing.

"Ini merupakan tahun kedua pengiktirafan kepada para pelajar yang berjaya mencapai tahap cemerlang dalam peperiksaan STPM serta SPM diadakan dalam suasana normal baharu bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Justeru, bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya dengan rasa bangganya ingin menzahirkan ucapan syabas dan tahniah (kepada semua pihak berkenaan)," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Ekonomi dan Komunikasi pada acara simbolik berkaitan di sini pada 24 September 2021.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Pendidikan dan Sains & Teknologi.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Ahmad Rizal Mohamad Hanapiah; Penolong Pengarah bagi Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), Nadiyah Jamain Bakeri serta wakil-wakil penerima.

Nadiyah Jamain yang ditemui kemudian memberitahu bahawa penganjuran acara Anugerah Pelajar Cemerlang tersebut sekali gus menunjukkan suatu pengiktirafan kepada guru-guru dan sekolah-sekolah yang terlibat.

"Walaupun menghadapi pandemik COVID-19, kita (JPNPP) mendapati pencapaian pelajar mempunyai peningkatan.

"Kelebihan yang ada buat pelajar juga agak terhad (iaitu) sebelum peperiksaan, ada perjumpaan secara bersemuka dengan guru-guru mengikut SOP yang ketat.

"Kebanyakan sekolah termasuk guru-guru juga dipuji kerana bersedia serta cepat menyesuaikan diri dengan normal baharu sesi persekolahan secara hibrid," ujarnya.

Difahamkan, seramai 62 pelajar cemerlang SPM yang mendapat PNGK 4.0 masing-masing menerima sumbangan penghargaan RM1,000; begitu juga 15 pelajar terbaik mengikut kaum, lima pelajar khas terbaik serta Anugerah Sekolah Terbaik STPM 2020 (tiga sekolah).

Manakala, 271 pelajar cemerlang SPM pula masing-masing mendapat RM500; begitu juga lima pelajar cemerlang khas serta Anugerah Sekolah Terbaik SPM 2020 (tiga sekolah).

Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chung Hwa Confucian muncul sebagai penerima Anugerah Sekolah Cemerlang STPM 2020 diikuti Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sin (tempat kedua) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Al-Mashoor (Lelaki) pada kedudukan ketiga terbaik di negeri ini.

Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chung Hwa Confucian turut berada pada kedudukan terbaik sebagai Penerima Anugerah Sekolah Cemerlang SPM 2020; diikuti Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jambul (tempat kedua) dan Sekolah Menengah Sains Kepala Batas (tempat ketiga).

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**



GOH Choon Aik (empat dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan anggota sukarelawan Pasukan Bomba Sukarela Valdor dengan berlatarbelakangkan jentera baharu yang bakal digunakan dalam usaha menyelamat kelak.

# Pasukan Bomba Sukarela Valdor komited berkhidmat tanpa imbuhan

**PASUKAN** Bomba Sukarela (PBS) menjadi antara pasukan terawal yang akan tiba di lokasi sekiranya berlaku bencana terutamanya melibatkan kebakaran.

Walaupun berkhidmat secara sukarela tanpa sebarang imbuhan seperti elaun bulanan, tetapi mereka tetap bertungkus-lumus malah sanggup menggadaikan nyawa demi membantu masyarakat ketika berlaku bencana.

Di Pulau Pinang, Pasukan Bomba Sukarela Valdor antara yang paling aktif menjalankan operasi menyelamat dan pemadaman bukan sahaja di kawasan Seberang Perai Selatan (SPS) malah turut meliputi seluruh negeri.

Ketua pasukannya, **LAW SOON CHIANG** memberitahu bahawa tugas Pasukan Bomba Sukarela Valdor bukan hanya menjalankan operasi memadam kebakaran tetapi turut melibatkan kerja-kerja penyelamatan teknikal lain.

"Tugas kami termasuklah menyelamatkan haiwan liar, sanitasi tempat-tempat awam, menghapuskan sarang lebah, gotong-royong bagi mencegah denggi di kawasan perumahan dan komuniti serta banyak lagi.

"Ini adalah beberapa contoh tugasan yang kami jalankan sejak pasukan ini ditubuhkan pada tahun 2000 selain mempertaruhkan nyawa semasa operasi memadam kebakaran," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara dekat Pusat Operasi Pasukan Bomba Sukarela Valdor di Sungai Bakap baru-baru ini.

Soon Chiang berkata bahawa Pasukan Bomba Sukarela Valdor ketika ini terdiri daripada 40 anggota yang aktif terlibat dalam pelbagai misi menyelamat seperti memadam kebakaran, tanah runtuh serta kemalangan jalan raya di seluruh negeri.



LAW Soon Chiang.

"Setiap bulan, rata-rata anggota Sukarela akan menjalankan sekitar 30 hingga 40 operasi menyelamat yang mana kebanyakannya adalah melibatkan kes-kes kebakaran.

"Walaupun kadangkala tugasan yang dilaksanakan itu sangat mencabar tetapi pasukan Sukarela kami tidak pernah penat dan bosan untuk membantu masyarakat melalui perkhidmatan yang ditawarkan.

"Ini kerana, kepuasan yang diperoleh daripada kerja-kerja menyelamatkan nyawa atau membantu masyarakat memberikan makna yang tersendiri kepada kami semua tanpa mengharapkan sebarang balasan atau imbuhan.

"Ada sesetengah pihak menganggap kerja kesukarelawan sebagai membuang masa dan tenaga tetapi bagi kami, perkara ini adalah berkait dengan minat selain rasa puas yang sukar untuk digambarkan terutamanya ketika sedang membantu orang lain," tambahnya.

Dalam perkembangan semasa, beliau menyatakan bahawa Pasukan Bomba Sukarela Valdor telah menerima sebuah jentera baharu untuk digunakan semasa kerja-kerja menyelamat dan memadam kebakaran.

Menurut Soon Chiang, jentera berharga RM170,000 tersebut dibeli dari negara Jepun melalui hasil kutipan dana awam dan bantuan tambahan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pejabat Ketua Menteri.

"Kita rancang untuk beli jentera ini sejak setahun lalu tetapi berdepan masalah kekurangan sumber kewangan dan syukur apabila Ketua Menteri (Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow) bermurah hati menyumbangkan sebanyak RM30,000.

"Selain Ketua Menteri, kami juga mendapat tambahan dana daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, YB Goh Choon Aik berjumlah RM20,000 manakala RM120,000 lagi diperoleh daripada hasil kutipan dana awam.

"Oleh itu, di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri dan YB Goh Choon Aik atas sokongan luar biasa yang diberikan kepada Pasukan Bomba Sukarela Valdor," katanya.

Beliau berkata, dengan adanya trak baharu tersebut, kerja-kerja memadam kebakaran akan menjadi lebih mudah terutamanya apabila melibatkan bangunan-bangunan bertingkat yang tinggi.

"Trak pemadaman kebakaran baru ini mempunyai sistem teknologi lebih moden selain dilengkapi dengan kren pengangkut *(skylift)* setinggi 25.5 meter (m)," ulasnya.

*(Sambungan di muka 5).*



PAKAIAN seragam pasukan.

# Pokok berembang harap tarik kelip-kelip ke muara Sungai Pinang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **TAN KEAN MING**

**SUNGAI PINANG -** Empat pokok berembang atau nama saintifiknya *Sonneratia Caseolaris* ditanam berhampiran muara Sungai Pinang bagi menarik kehadiran serangga kelip-kelip berhabitat di situ.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim menyatakan bahawa kehadiran kelip-kelip ke kawasan tersebut mampu memberi satu nilai tambah baharu di kawasan riadah berhampiran yang giat 'dibangunkan'.

"Penanaman pokok berembang ini juga diharap menjadi batu loncatan kepada kawasan ini yang sudah berubah wajah berbanding setahun lalu.

"Landskap, *outdoor gym*, pokok-pokok, kebun komuniti serta taman permainan termasuk arca menjadi tarikan di kawasan Taman Kejiranan Sungai Pinang ini.

"Oleh itu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Stadium dan Tanah Lapang Pulau Pinang, Mohamed Akbar Mustapha dalam menjayakan projek ini," ujarnya ketika merasmikan simbolik penanaman empat batang pokok berembang di sini baru-baru ini.

Siew Khim dalam pada itu yakin bahawa Taman Kejiranan Sungai Pinang mampu menjadi contoh pembangunan taman yang sama di lokasi-lokasi lain di negeri ini.

Dalam pada itu, Mohamed Akbar memberitahu bahawa keadaan tanah tebing sungai sememangnya amat sesuai untuk penanaman pokok berembang.

"Empat batang pokok berembang ini kita bawakan khas dari Kuala Selangor yang mana kita semua ketahui ia adalah antara lokasi melihat kelip-kelip terkenal di Malaysia.

"Kita jangkakan dalam masa lapan bulan lagi, mungkin akan dapat lihat hasilnya iaitu kehadiran kelip-kelip di kawasan ini," jelasnya yang turut menzahirkan rasa kagum mengenai pembangunan tanah lapang di kawasan tersebut.

Kesempatan sama, Siew Khim turut membawa Mohamad Akbar melawat ke kawasan kebun komuniti di Taman Areca berhampiran.



LIM Siew Khim (berbaju biru) dan Mohamed Akbar Mustapha (dua dari kiri) menunjukkan isyarat bagus sejurus menyempurnakan penanaman pokok berembang dekat muara Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

*(Sambungan dari muka 4).*

# Dana awam tampung kos operasi

Selain sumbangan dana untuk membeli trak bomba, Soon Chiang memberitahu bahawa Choon Aik turut menyumbangkan kelengkapan lain yang diperlukan seperti pakaian seragam dan *walkie-talkie*.

"YB Goh (Choon Aik) juga telah membantu kami dengan menaja pakaian seragam sebanyak 35 helai bernilai RM7,000 dan 15 unit *walkie-talkie* yang berharga RM800 setiap satu bagi memudahkan kami berkomunikasi ketika berlaku kecemasan," tambahnya.

Tambah Soon Chiang, sebelum berlakunya penularan pandemik COVID-19, Pasukan Bomba Sukarela Valdor aktif menjalankan program makan malam amal untuk mengumpul dana bagi menampung kos operasi.

"Memandangkan sekarang negara berada dalam tempoh pandemik, kami menghadapi masalah untuk meneruskan operasi kerana masalah kekurangan sumber kewangan.

"Pada masa ini, kami terpaksa menggunakan wang sendiri selain bergantung kepada sumbangan orang ramai kerana setiap bulan kami memerlukan kira-kira RM5,000 untuk perbelanjaan petrol, penyelenggaraan serta operasi.

"Kosnya sangat tinggi terutamanya apabila melibatkan kes kebakaran kerana operasi terpaksa dijalankan berjam-jam lamanya dan kos boleh meningkat antara RM500 hingga RM1,000 untuk mengisi petrol sahaja," ujarnya.

Sementara itu, Choon Aik yang turut hadir ketika sesi wawancara khas tersebut memuji semangat kesukarelawan yang ditunjukkan oleh Persatuan Bomba Sukarela Valdor.

"Anggota bomba sukarela juga memainkan peranan yang sangat penting sebagaimana Jabatan Bomba dan Penyelamat awam dalam membantu masyarakat ketika berlakunya bencana.

"Mereka tidak pernah meminta apa-apa balasan untuk perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat dan tidak juga mengharapkan apa-apa pengiktirafan, tepukan atau penghargaan.

"Apa yang mereka mahukan adalah membantu masyarakat dengan cara mereka seperti yang dilatih, dan inilah yang dinamakan semangat kesukarelawan yang sebenar," jelasnya.

Choon Aik menyatakan bahawa mengikut undang-undang, sebahagian besar anggota bomba Sukarela mempunyai pekerjaan sendiri.

"Kesemua mereka mempunyai pekerjaan sendiri di tempat lain di sekitar Valdor tetapi mereka masih ada masa untuk membantu orang ramai yang memerlukan atau beri bantuan kepada pihak bomba.

"Ada yang bekerja di ladang berdekatan dengan Kampung Valdor, kilang-kilang dan ada juga yang menjalankan perniagaan sendiri yang mana waktu kerja mereka ini lebih fleksibel.

"Pasukan bomba Sukarela perlu bersedia sepanjang masa, jadi bagi mereka yang mempunyai pekerjaan tetap biasanya menyertai operasi selepas tamat waktu bekerja atau pada hari cuti," ulasnya.

Justeru, Choon Aik menyatakan bahawa orang ramai adalah digalakkan untuk memberikan sumbangan berbentuk kewangan serta peralatan kelengkapan bagi membantu Pasukan Bomba Sukarela Valdor meneruskan operasi dalam tempoh mencabar ini.

**Sumbangan boleh dibuat ke akaun Persatuan Bomba Sukarela Valdor (RHB 20710300002106).**



GOH Choon Aik.




ANGGOTA pasukan Bomba Sukarela Valdor melakukan demonstrasi di atas jentera bomba baharu.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MBSP**

**SR. Rozali Mohamud (berkopiah putih) bersama-sama wakil dari UPSI menunjukkan cili fertigasi yang berjaya dituai buat kali pertama baru-baru ini.**



# Projek pertanian bandar digital MBSP mula dituai

**SUNGAI DUA –** Inisiatif projek pertanian bandar digital yang diusahakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dekat Pusat Pendidikan Hijau (PPH), Padang Chempedak di sini membuahkan hasil apabila tanaman cili fertigasi sudah mula dituai pada 12 September lalu.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa tanaman yang diusahakan di atas tanah seluas 1.4 ekar sejak 3 Julai lalu adalah melibatkan 1,100 batang anak pokok cili jenis 'Kulai'.

"PPH beroperasi secara *'self-sustaining'* pada peringkat awal iaitu untuk pusingan kos operasi, hasil akan dikomersialkan serta dibekalkan kepada pasar borong dan jualan runcit.

"Seramai lapan 'Wira Oren' telah diberikan latihan melalui kerjasama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sambil dibantu oleh pakar-pakar agronomi dari Urbanest Sdn. Bhd.," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke Tapak Pertanian Digital dekat sini pada 12 September lalu.



**CILI fertigasi yang dihasilkan.**

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Bandaraya, Baderul Amin Abdul Hamid; Pendaftar UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman; Pengarah (Bahagian Komunikasi Korporat) UPSI, Prof. Madya Dr. Mohd. Izwan Shahril; Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) Prof. Madya Dr. Norkhalid Salimin serta Ketua Projek PPH UPSI, Prof. Madya Dr. Che Zalina Zulkifli.

Tambah Rozali, projek tersebut yang dimulakan pada Mac lalu memfokuskan penggunaan teknologi *Internet of Things* (IoT) dan *Circular Economy* dalam mempromosi pertanian digital.

"Pada 16 Mei lalu, sebanyak 28 kilogram (kg) sayuran berjaya dituai buat kali pertama menggunakan kaedah *Circular Economy* untuk komuniti yang mana hasil ini akan dibawa ke pasar serta medan selera untuk dijual.

"Projek ini menggunakan baja organik yang dikumpulkan melalui teknik kompos yang mana hasil buangan organik dari pasar awam kira-kira 200kg sehari diproses menggunakan teknologi moden.

"Justeru, MBSP ingin mengucapkan terima kasih kepada UPSI, Urbanest Sdn. Bhd. dan 'Wira Oren' MBSP atas sokongan padu dalam usaha ke arah penjagaan kebersihan, keindahan, kehijauan bumi dan kesejahteraan alam sekitar," ulasnya.

Dalam pada itu, Rozali menyatakan bahawa kira-kira 600 batang pokok boleh ditanam menggunakan kaedah konvensional manakala bagi tanaman secara hidroponik pula mampu memuatkan lebih kurang 1,450 pokok.

"MBSP yakin kaedah ini boleh menjadi sumber ekonomi baharu pasca penularan pandemik COVID-19 kepada penduduk Seberang Perai," jelasnya.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan projek tersebut boleh hubungi 04-549 7878/04-549 7886 atau e-melkan kepada *kemasyarakatan@mbsp.gov.my*.



**'WIRA Oren' MBSP sedang mengutip hasil cili yang ditanam melalui projek pertanian bandar dekat Pusat Pendidikan Hijau, Padang Chempedak.**



# PgCare Alliance salur perkhidmatan sokongan perlu



TEH Lai Heng (kiri sekali), Ketua Menteri (dua dari kiri) dan Phee Boon Poh (dua dari kanan) pada Majlis Pelancaran PgCare Alliance pada 11 Ogos lalu.

**GABUNGAN** PgCare atau *PgCare Alliance* adalah gabungan kolaborasi antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama badan-badan bukan kerajaan (NGO), pemain industri utama tempatan serta golongan profesional yang berkaliber dengan tujuan untuk memberi sokongan serta bantuan kepada rakyat Pulau Pinang yang terjejas akibat wabak COVID-19 berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpanjangan.

Walaupun Pulau Pinang kini berada dalam Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN), namun usaha untuk bangkit dan pulih semula memerlukan sokongan serta kerjasama semua pihak termasuk dalam aspek ekonomi dan sosial.

Sejak dirasmikan pada 11 Ogos 2021 oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, tanpa menoleh lagi *PgCare Alliance* terus mengorak langkah memperkukuh dan mempercepatkan penyaluran bantuan serta perkhidmatan kepada rakyat yang memerlukan.

Difahamkan, sehingga artikel ini diterbitkan, terdapat 25 NGO yang bergabung di bawah suatu platform digital dan bersepadu di *https://www.pgcarealliance.com/* menghulurkan bantuan dan perkhidmatan demi menyokong individu serta keluarga yang terjejas akibat pandemik kembali 'bernafas' semula.

Wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI**, berpeluang menemu ramah pelopor-pelopor utama gabungan ini baru-baru ini.

Di Pulau Pinang, susuk tubuh tersebut cukup terkenal sebagai Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, namun dalam gabungan ini beliau merupakan Pengerusi *PgCare Alliance*.


PHEE Boon Poh.

Beliau yang dimaksudkan ialah **PHEE BOON POH**, ketika ditemu ramah memberitahu bahawa atas keprihatinan dan keperluan semasa rakyat serta sistem penyampaian yang terhad telah mencetuskan rasa untuk membantu.

"Setelah begitu lama rakyat 'terkurung' (dek pengisytiharan PKP yang berpanjangan), rakyat mulai penat dan 'tenat'.

"Begitu juga dalam sektor kesihatan awam, yang mana protokol sistem kesihatan terjejas akibat kes yang tidak menentu menyebabkan penyampaian perkhidmatan tidak 'licin' dan lancar.

"Bertitik-tolak daripada situasi tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa bersiap-siaga membantu Kerajaan Persekutuan dengan meringankan bebanan yang ditanggung dalam menyelesaikan permasalahan rakyat khasnya di Pulau Pinang melalui pelbagai inisiatif (pada) peringkat negeri.

"Kerajaan Negeri juga ketepikan semua perbezaan ideologi politik demi kepentingan rakyat sekali gus membendung perebakan wabak daripada menjadi malapetaka lebih besar," ujarnya memulakan bicara.

Kebimbangan meningkatnya kes-kes percubaan dan bunuh diri serta masalah domestik rumah tangga akibat pandemik menjadikan beliau ingin sekali membantu namun terhalang oleh kekangan sumber dan kehendak.

"Saya telah membawa perkara ini dalam Mesyuarat MMK (Majlis Mesyuarat Kerajaan) serta bertemu dengan ramai aktivis dan tokoh industri untuk mencari solusi.

"Akhirnya terbentuklah *PgCare Alliance* pada 16 Julai 2021 dengan matlamat untuk membantu meringankan bebanan rakyat sepanjang tempoh sukar ini.

"(Dan) secara rasmi disempurnakan oleh Ketua Menteri yang juga Penasihat gabungan ini pada 11 Ogos lalu.

"Permulaanya hanya 18 NGO, dan jumlah ini bertambah dari semasa ke semasa serta berfungsi berdasarkan empat teras utama iaitu mental; pekerjaan; makanan dan pengurusan kewangan.

"Keempat-empat teras ini diterajui oleh pelopor utama dalam kalangan tokoh-tokoh industri di negeri ini," jelasnya.

Mengulas mengenai keadaan rakyat kini, Boon Poh berkata bahawa ramai yang terkesan berasa tertekan dan cuba mencari 'jalan keluar' namun buntu serta 'terperangkap'.

"Sepanjang pandemik ini, saya menerima laporan bahawa setiap dua hari pasti terdapat kes bunuh diri atau cubaan bunuh diri yang melibatkan kelompok pertengahan umur.

"Mereka ini bukan mencari simpati atau mengharapkan rasa belas kasihan sebaliknya mereka mahu difahami dan mahu pihak yang mereka temui itu sedia mendengar kisah mereka.

"Ada yang mengambil masa sampai dua hingga tiga jam di talian (telefon)... oleh itu, melalui Gabungan PgCare ini, kita mengalu-alukan pakar-pakar yang rela dan sudi membantu mereka yang terkesan dan tertekan ini.

"Sekiranya, (jumlah pakar) mencukupi, mereka ini akan membantu di setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN)...kita 'pinjamkan' mereka untuk membantu rakyat.

"Umpama kita sediakan tangki oksigen bagi membolehkan mereka (golongan terkesan) 'bernafas' semula," katanya sambil berharap agar masyarakat lebih bersikap terbuka untuk bercerita supaya bantuan yang perlu disalurkan sesegera mungkin.

## Ketuai Pasukan Bertindak Kecemasan

Bagi menggerakkan segala sumber perlu terutama dalam menghadapi situasi semasa COVID-19 di negeri ini, Boon Poh telah diberi tanggungjawab untuk mengetuai Pasukan Bertindak Kecemasan atau *Emergency Response Team* (ERT).

Pelantikan beliau mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) untuk menambah baik pengurusan, perkhidmatan serta tempoh tindak balas terhadap kes-kes berbangkit berkaitan COVID-19.

Selain menggerakkan sumber, melalui pasukan tersebut juga Boon Poh dipertanggungjawabkan untuk memobilisasikan sumber tenaga sukarelawan di bawah platform *PgCare Alliance* yang mana 'ahli-ahli' di bawah gabungan akan mengenal pasti serta menambah baik keperluan bagi memastikan sistem perubatan dan penyampaian perkhidmatan sosial di Pulau Pinang tidak lumpuh sepenuhnya.

"ERT ini akan mendefinasikan apa itu 'Kita Jaga Kita', adakah pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menjaga rakyat atau rakyat sendiri perlu memainkan peranannya.

"Selain itu, pasukan ini juga akan membantu menambah baik perkhidmatan dan masa tindak balas di pusat panggilan bagi memantau pesakit COVID-19 atau kontak rapat kepada seseorang yang disahkan positif melalui *Careline PgCare Alliance*.

"Malah, melalui pasukan ini, kita akan mewujudkan pusat panggilan multilingual, pangkalan soalan lazim atau *frequently asked questions* (FAQ) serta prosedur operasi standard (SOP) jelas melibatkan kes-kes kuarantin di rumah," ujarnya yang memikul tanggungjawab tersebut sejak 8 Ogos lalu.

## Kisah di sebalik fenomena bendera putih

Menyorot kembali terbentuknya *PgCare Alliance*, individu berkenaan antara yang terawal menjadi pengasas dan memberi ilham untuk mewujudkan suatu platform yang berfungsi membantu komuniti yang memerlukan.

Ketika ditemui, **DR. NGOO SEONG BOON** menyatakan bahawa inilah detiknya untuk semua pihak bangkit dan mengorak langkah semula.

"Kita perlu memahami kesan COVID-19 terhadap kehidupan harian kita kerana bukan sahaja menjejaskan rutin harian tetapi juga mata pencarian," katanya.

Menurut Seong Boon, ramai yang tampil sama ada secara individu ataupun melalui organisasi membantu mereka yang memerlukan, hinggakan bantuan yang diterima berulang-ulang dan mendorong ke arah berlakunya lambakan serta pembaziran.

"Apatah lagi apabila adanya kempen sosial melalui media yang memaparkan kisah di sebalik kibaran 'bendera putih'... cukup memilukan.

*(Sambungan di muka 8-9).*

(Sambungan dari muka 7).

# Cepatkan pemberian bantuan,

"Golongan yang sepatutnya menerima bantuan tidak dibantu sewajarnya manakala golongan yang tidak memerlukan bantuan diberikan bantuan yang berulang-ulang dan tidak praktikal.

"Situasi inilah yang membuatkan saya terfikir bahawa perlunya ada satu pasukan untuk membantu mempercepatkan penyaluran bantuan tanpa pertindihan sumber yang ada," luahnya yang tersentuh dengan fenomena 'bendera putih' melanda negara baru-baru ini.

Susulan itu, beliau membawa idea berkaitan kepada wakil rakyat negeri termasuk kepada Boon Poh; Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, **YEOH SOON HIN** serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, **TEH LAI HENG**, yang mana kedua-duanya merupakan Timbalan Pengerusi *PgCare Alliance* dan respons diterima amat positif.

"Saya kemudiannya menghubungi rakan baik saya, S.K. Chong (Chong Soon Kheng) dan bersama-sama kami mengumpulkan rakan-rakan lain dari badan bukan kerajaan (NGO), persatuan, profesional serta industri.

"Malah, kami juga mendapat sokongan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang lalu membentuk gabungan yang dikenali sebagai *PgCare Alliance*, kini.

"(Dan) melalui gabungan ini, saya menawarkan perkhidmatan berdasarkan kapasiti saya sendiri bukannya mewakili organisasi atau syarikat," tambahnya yang merupakan salah seorang ahli jawatankuasa utama Gabungan PgCare.

## Situasi sebenar bukanlah hanya angka

Bercerita mengenai situasi semasa COVID-19, Seong Boon memberitahu mungkin kebanyakan kita hanya melihat angka-angka kes harian semata-mata nombor.

"Namun, apabila ia terjadi kepada diri kita atau mereka yang ada di sekeliling kita, pastinya angka-angka tadi memberi persepsi berbeza.

"Ramai yang kehilangan pekerjaan akibat COVID-19, malah ada yang kehilangan nyawa juga...setiap kes memberi cabaran dan impak yang berbeza," ulasnya yang turut berkongsi kisah kehilangan bapa mentuanya selepas tewas melawan COVID-19.

## Matlamat untuk ringankan beban

Bagi **CHONG SOON KHENG** yang merupakan salah seorang pengasas *Swift Bridge Technologies* juga antara orang awal yang membentuk *PgCare Alliance* turut berkongsi kisahnya.

Sejak usia 14 tahun, beliau aktif menyertai pelbagai program berbentuk kemasyarakatan serta khidmat sosial.

"Saya rasa cukup bertuah apabila saya dapat memberi khidmat kepada masyarakat terutama mereka yang memerlukan.

"Saya juga berterima kasih kepada rakan-rakan sekolah saya yang memperkenalkan saya kepada *Leo Club* dan membolehkan saya berkhidmat di rumah-rumah anak yatim dan warga emas.

"(Dan) sekarang saya turut berkhidmat dengan *Lions Club* selain menjadi ahli jawatankuasa utama Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) Cawangan Pulau Pinang dan Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SAMENTA).

"Inilah keistimewaan apabila saya boleh berkhidmat bukan sahaja bersama-sama NGO tetapi juga persatuan dan profesional untuk membantu gabungan ini (*PgCare Alliance*)," ujarnya.

Tambah beliau, matlamat utama adalah untuk memperkukuh dan mempercepatkan pemberian bantuan serta perkhidmatan di peringkat komuniti.

"Mungkin *PgCare Alliance* tidak mampu membantu 100 peratus tetapi kami yakin, kami mampu memberikan yang terbaik daripada segi bantuan serta perkhidmatan demi meringankan bebanan yang ditanggung.

"Lebih-lebih lagi apabila ada dalam kalangan ADUN dan Ahli Parlimen (MP) yang turut 'ringan tulang' menghulurkan bantuan dan kami (*PgCare Alliance*) mahu menjadi 'tulang belakang' dengan membantu dan menyokong kerja-kerja kebajikan serta sosial seperti ini," tegasnya.

## Kesihatan mental ketika pandemik

Pandemik COVID-19 memberi impak yang amat besar terhadap kesihatan mental individu seantero dunia dan tidak terkecuali warganegeri Pulau Pinang terutama mereka yang berisiko mengalami kemurungan atau stres yang melampau.

Statistik menunjukkan bahawa satu daripada empat individu mengalami masalah kesihatan mental dan satu daripada empat keluarga menderita sakit mental yang teruk.

Data yang membimbangkan ini disuarakan oleh **DATUK SERI LESLIE LEE KIM GUAN** yang berperanan sebagai peneraju teras kesihatan mental dalam *PgCare Alliance*.

Menurut Presiden *D'Home Mental Health (D'Home)* itu, data sebenarnya jauh lebih tinggi memandangkan terdapat kes-kes yang tidak dilaporkan secara rasmi.

"Sekiranya kita mengambil data sedia ada, di Pulau Pinang kira-kira 80,000 orang daripada keseluruhan penduduk berjumlah 1.7 juta menderita sakit mental yang teruk.

"(Dan) situasi ini bukanlah mudah untuk ditangani dan sekiranya gagal dikenal pasti atau diberi rawatan sewajarnya dengan baik, ia boleh meningkatkan risiko ke arah tindakan membunuh diri.

"Malahan, sejak PKP dikuatkuasakan pertama kali tahun lalu, kes-kes melibatkan masalah kesihatan mental meningkat," katanya yang juga merupakan Pengerusi Persatuan Demensia Pulau Pinang.

Dalam situasi berkaitan, Kim Guan menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama *PgCare Alliance* menggembleng segala sumber yang ada bagi membantu mereka yang memerlukan bantuan dan sokongan psikososial.

"Kesihatan mental adalah asas kesejahteraan, sekiranya kesihatan mental baik maka kehidupan juga menjadi harmoni.

"Kita juga perlu menjadi lebih prihatin dan cakna terhadap ahli keluarga, rakan-rakan atau orang di sekeliling kita dalam mengenal pasti perubahan tingkah laku.

"Di sinilah peranan *PgCare Alliance* yang mana kita akan memberi sokongan psikososial kepada mereka yang terkesan dan membantu dalam urusan seharian sekiranya perlu.

"Di sinilah, *PgCare Alliance* akan memberi penekanan terhadap daya tahan mental dalam menghadapi detik-detik sukar sepanjang pandemik," ulasnya yang turut menasihati ibu bapa supaya tidak memberikan tekanan kepada anak-anak kerana mereka juga berisiko menghadapi masalah kesihatan mental yang teruk.

Menurut Kim Guan, *PgCare Alliance* mengambil pendekatan holistik dengan menggembleng segala sumber sinergi yang ada.

"Melalui empat teras, saya yakin *PgCare Alliance* mampu memberikan perkhidmatan dan sokongan yang terbaik.

